

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT DAN SUMBANGAN KILAT MATRA 1



airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4365-majlis-pemakaian-pangkat-dan-sumbangan-kilat-matra-1

KUALA LUMPUR, 15 Jan 19 - Majlis pemakaian pangkat bagi anggota MATRA 1 telah dilaksanakan di Bilik Mesyuarat MATRA 1 yang disaksikan oleh pegawai-pegawai dan anggota. Seramai 2 orang anggota dinaikkan ke Pemangku Sarjan Udara, 5 orang anggota dinaikkan ke Pemangku Koperal Udara dan 5 orang anggota telah dilantik ke Laskar Udara Kanan. Ketua MATRA 1, Mej Hj Fauzaman bin Othman TUDM turut menyampaikan sumbangan derma kilat kepada Kpl U Johaardi bin Killa yang ditimpa musibah kebakaran rumah di Kota Kinabalu, Sabah baru-baru ini.

